



**KETUA PENGARAH PERANCANGAN BANDAR DAN DESA**  
**Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)**  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Aras 13, Blok F5, Kompleks F, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62675 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Telefon : 603-8091 0000  
Laman Web : [www.planmalaysia.gov.my](http://www.planmalaysia.gov.my)  
E-mel : [alias@planmalaysia.gov.my](mailto:alias@planmalaysia.gov.my)

Rujukan Kami: JPBD(IP)185/656/22 (29)

**Pekeliling Ketua Pengarah**  
**Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)**  
**Bilangan 3 Tahun 2024**

**RESOLUSI MESYUARAT PENGURUS PROJEK JABATAN**  
**PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PLANMalaysia)**  
**BILANGAN 1/2024**

**TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan semua Bahagian di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Ibu Pejabat, Pejabat Projek Zon dan PLANMalaysia Negeri bagi menerima pakai **Resolusi Mesyuarat Pengurus Projek Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Bilangan 1/2024**.

**LATAR BELAKANG**

2. Mesyuarat Pengurus Projek Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Bilangan 1/2024 yang telah diadakan pada 6 Mac 2024 bertujuan untuk membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan projek pembangunan yang sedang dilaksanakan serta merupakan platform perkongsian ilmu di kalangan semua Pengurus Projek Jabatan.

Perancangan Melangkaui Kelaziman  
*Planning : Beyond Conventional*



3. Pada Mesyuarat tersebut sebanyak tujuh (7) resolusi telah dibentangkan untuk tindakan dan perhatian semua pihak yang terlibat terutamanya pasukan pengurusan projek dan kajian yang dijalankan oleh Jabatan. Resolusi Mesyuarat Pengurus Projek Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Bilangan 1/2024 ini juga telah dibentang dan diluluskan di Mesyuarat Pagi Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Bil. 3/2024 pada 18 April 2024.

### **PENERIMAPAKAIAN RESOLUSI**

4. Resolusi Mesyuarat Pengurus Projek Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Bilangan 1/2024 adalah seperti berikut :
- i. **Resolusi 1 - Kualiti dan Keupayaan Perancangan Strategik Perunding dalam Penyediaan Kajian Perancangan.**
  - ii. **Resolusi 2 - Mengenalpasti Kawasan Pembangunan Semula Bandar (PSB) dalam Kajian Rancangan Struktur (RS) dan Kajian Rancangan Tempatan (RT).**
  - iii. **Resolusi 3 - Penyediaan SOP bagi Penggunaan Aplikasi Analitik MUO oleh Pasukan Pengurus Projek.**
  - iv. **Resolusi 4 - Peningkatan Ilmu dan Kompetensi Pegawai melalui *Job Rotation*.**
  - v. **Resolusi 5 - Keckerapan Pengubahan Terhadap Rancangan Tempatan.**
  - vi. **Resolusi 6 - *Dashboard* Kawasan Industri dan Sistem Aksesibiliti sebagai Pemangkin *Ease of Doing Business*.**
  - vii. **Resolusi 7 - *Traffic Analysis Zone (TAZ)* dalam Rancangan Tempatan.**

## **PEMATUHAN**

5. Semua Bahagian di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Ibu Pejabat, Pejabat Projek Zon dan PLANMalaysia Negeri bertanggungjawab memastikan resolusi ini diterima pakai dan dirujuk semasa penyediaan semua rancangan pemajuan serta kajian-kajian lain yang berkaitan.

## **TARIKH KUAT KUASA**

6. Pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

## **PEMAKAIAN**

7. Pekeliling ini pada keseluruhannya dikeluarkan untuk diterima pakai di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Ibu Pejabat, Pejabat Projek Zon dan PLANMalaysia Negeri.

## **PERTANYAAN**

8. Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut berhubung Pekeliling ini boleh dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Blok F5, Kompleks F, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62675 PUTRAJAYA  
(u.p.: Unit Penyelarasan Projek)  
No. Tel. : 03-8091 0000

## **PENUTUP**

9. Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Bahagian di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Ibu Pejabat, Pejabat Projek Zon dan PLANMalaysia Negeri untuk perhatian dan tindakan sewajarnya.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**


Saya yang menjalankan amanah,

  
(DATUK TPr DR. ALIAS BIN RAMELI)

9 Mei 2024

- s.k
- i. Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan), PLANMalaysia
  - ii. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), PLANMalaysia
  - iii. Pengarah Bahagian Korporat, PLANMalaysia
  - iv. Ketua Unit Penyelarasan Projek, PLANMalaysia

**Slaid Resolusi MESYUARAT PENGURUS PROJEK JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PLANMalaysia) BILANGAN 1/2024** ini boleh dimuat turun melalui QR Code berikut:



**LAMPIRAN**

Perincian Resolusi Mesyuarat Pengurus Projek Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Bilangan 1/2024 adalah seperti berikut :

**i. Resolusi 1 - Kualiti dan Keupayaan Perancangan Strategik Perunding Dalam Penyediaan Kajian Perancangan**

- PLANMalaysia dan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) perlu bekerjasama bagi mendapatkan maklumat daripada PLANMalaysia Negeri berkenaan jumlah kajian yang akan dijalankan oleh perunding bagi tahun 2025 bagi tujuan penyelarasan; dan
- Malaysian Institute of Planners (MIP) bersama LPBM perlu mengadakan sesi bersama perunding secara tahunan bagi menerangkan keperluan projek atau kajian yang akan dijalankan kepada perunding dengan lebih jelas.

**ii. Resolusi 2 - Mengenalpasti Kawasan Pembangunan Semula Bandar (PSB) dalam Kajian RT dan RS**

- Semua Pengurus Projek yang menjalankan kajian pada tahun ini perlu mengenal pasti kawasan Pembangunan Semula Bandar (PSB) dalam RT, manakala memasukkan pernyataan dasar semasa penyediaan Rancangan Struktur Negeri (RSN).

**iii. Resolusi 3 - Penyediaan SOP bagi Penggunaan Aplikasi Analitik MUO oleh Pasukan Pengurus Projek**

- Pengurus Projek yang telah dilantik bagi setiap PPZ perlu membuat perbincangan dengan pihak perunding dan pihak MUO bagi mengenal pasti kaedah terbaik dalam menggunakan aplikasi analitik MUO; dan

- Perlu menyediakan SOP dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan (JPP) akan datang.

**iv. Resolusi 4 - Peningkatan Ilmu dan Kompetensi Pegawai melalui *Job Rotation***

- Kaedah *Job Rotation* perlu dilaksanakan oleh Jabatan supaya pegawai-pegawai PLANMalaysia dapat meningkatkan ilmu dan pengetahuan dalam menjalankan tugas yang berbeza;
- Perkara ini perlu dibincangkan dalam Majlis Bersama Jabatan (MBJ) dan pihak Seksyen Sumber Manusia (SSM) serta pengurusan tertinggi dimohon agar mempertimbangkan perkara ini; dan
- Pelaksanaan arahan *job rotation* ini perlu diterima oleh pegawai dengan tidak memberikan alasan apabila menerima arahan pertukaran.

**v. Resolusi 5 - Kekerapan Pengubahan Terhadap Rancangan Tempatan**

- Pengurus Projek dan pihak yang terlibat dalam penyediaan RT perlu lebih terperinci dalam menentukan zoning dan Jadual Kelas Kegunaan Tanah (*Use Class Order*) supaya ia lebih bersifat dinamik dan fleksibel; dan
- Perkara ini perlu diselesaikan secara *case by case* berdasarkan isu yang dihadapi.

**vi. Resolusi 6 - *Dashboard* Kawasan Industri dan Sistem Aksesibiliti Sebagai Pemangkin *Ease of Doing Business***

- Susulan perbincangan di antara Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan dan Malaysian Investment Development Authority,

semua PPZ perlu bekerjasama dengan PLANMalaysia Negeri bagi mengenal pasti kawasan-kawasan industri yang terdapat di dalam kajian RSN dan RT yang melintasi atau berdekatan dengan infrastruktur jalan utama, lebuh raya, laluan rel (termasuk ECRL) dan sistem sirkulasi lain untuk dimasukkan dalam *dashboard* Unit MUO bagi memudahkan perbincangan bersama MIDA.

**vii. Resolusi 7 - *Traffic Analysis Zone* (TAZ) Dalam Rancangan Tempatan**

- Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (BPP) berkongsi pengalaman Kajian Tahap Ketepuan dan Penilaian Intensiti Bandar di mana penentuan sempadan Blok Perancangan (BP) bagi bandar-bandar utama ditentukan berdasarkan *Traffic Analysis Zone* (TAZ);
- TAZ perlu diambil kira dan diberi keutamaan dalam kajian-kajian RT yang sedang dan akan dijalankan;
- Keperluan sesi latihan (*Transfer of Knowledge*) berkaitan TAZ oleh perunding trafik kepada seluruh pasukan kajian bagi tujuan penyelarasan; dan
- BPP dimohon menyediakan satu (1) kertas panduan/kaedah yang mengandungi metodologi untuk pemakaian/pelaksanaan TAZ dalam RT.



## **SENARAI EDARAN**

### **PLANMalaysia Ibu Pejabat**

1. Pengarah  
Bahagian Rancangan Fizikal Negara  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)  
Aras 8, Blok F5, Kompleks F, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62675 PUTRAJAYA**
  
2. Pengarah  
Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)  
Aras 9 & Aras 10, Blok F5, Kompleks F, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62675 PUTRAJAYA**
  
3. Pengarah  
Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)  
Aras 6, Blok F5, Kompleks F, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62675 PUTRAJAYA**
  
4. Pengarah  
Bahagian Maklumat Gunatanah Negara  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)  
Aras 7, Blok F5, Kompleks F, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62675 PUTRAJAYA**
  
5. Pengarah  
Bahagian Perancangan Wilayah  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)  
Aras 3, Blok F5, Kompleks F, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62675 PUTRAJAYA**

6. Pengarah  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)  
Aras 11, Blok F5, Kompleks F, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62675 PUTRAJAYA**

**Pejabat Projek Zon PLANMalaysia**

7. Pengarah  
Pejabat Projek Zon Timur  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)  
Tingkat 4, Wisma PERKESO  
Jalan Air Jernih, Peti Surat 155  
**20538 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU**
8. Pengarah  
Pejabat Projek Zon Selatan  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)  
Aras 7, Menara Pesekutuan  
Jalan Persekutuan, Hang Tuah Jaya  
**75450 MELAKA**
9. Pengarah  
Pejabat Projek Zon Utara  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)  
Aras 4, Wisma PERKESO  
Jalan Teluk Wanjah  
**05646 ALOR SETAR, KEDAH**
10. Pengarah  
Pejabat Projek Zon Tengah  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)  
Aras 4 dan Aras 5, Blok F5, Kompleks F, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62675 PUTRAJAYA**

**PLANMalaysia Negeri**

1. Pengarah  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor  
(PLANMalaysia Johor)  
Tingkat 1 & 2, Bangunan Dato' Mohamad Salleh Perang  
Kota Iskandar  
**79646 ISKANDAR PUTERI, JOHOR**
  
2. Pengarah  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang  
(PLANMalaysia Pulau Pinang)  
Tingkat 57, Bangunan KOMTAR  
Penang Road  
**10646 PULAU PINANG**
  
3. Pengarah  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang  
(PLANMalaysia Pahang)  
Tingkat 4, Kompleks Tun Razak  
Bandar Indera Mahkota  
**25200 KUANTAN, PAHANG**
  
4. Pengarah  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor  
(PLANMalaysia Selangor)  
Tingkat 15-18, Bangunan Darul Ehsan  
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14  
**40646 SHAH ALAM, SELANGOR**
  
5. Pengarah  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perak  
(PLANMalaysia Perak)  
Tingkat 3 & 7, Bangunan Seri Perak  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab  
**30646 IPOH, PERAK**
  
6. Pengarah  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah  
(PLANMalaysia Kedah)  
Tingkat 10, Bangunan Sultan Abdul Halim Muazzam Shah  
Jalan Badlishah  
**05646 ALOR SETAR, KEDAH**

7. Pengarah  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Sembilan  
(PLANMalaysia Negeri Sembilan)  
Tingkat 3, Blok A, Wisma Negeri  
**70503 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN**
  
8. Pengarah  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Terengganu  
(PLANMalaysia Terengganu)  
Tingkat 4, Wisma Darul Iman, Jalan Pejabat  
**20200 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU**
  
9. Pengarah  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka  
(PLANMalaysia Melaka)  
Tingkat 5, Wisma Negeri  
**75646 AYER KEROH, MELAKA**
  
10. Pengarah  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perlis  
(PLANMalaysia Perlis)  
Tingkat 3, Blok A  
Bangunan Dato' Mahmud Mat  
**01000 KANGAR, PERLIS**
  
11. Pengarah  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan  
(PLANMalaysia Kelantan)  
Blok 4, Tingkat Bawah  
Kota Darul Naim  
**15646 KOTA BHARU, KELANTAN**